

KESATUAN DOA

OGOS 2016

SURAT BERITA DOA

SEBUAH PANGGILAN BERDOA UNTUK MALAYSIA

Kesatuan Doa telah ditubuhkan pada Tahun Jubili demi menggerakkan umat kristian untuk berdoa tanpa henti bagi **kebangkitan rohani Gereja, bersertakan transformasi dalam Negara.**

Kami memohon agar semua pendoa syafaat akan terus teguh dalam berdoa, agar Tuhan akan membuka langit, mendedahkan kemuliaan-Nya dan mencurahkan kekuasaan-Nya ke atas negara kita. Mari kita menuntut janji-Nya bahawa "lalu umat-Ku, yang dipanggil atas nama-Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku, dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka." (2 Tawarikh 7:14). Marilah kita memohon kepada Tuhan untuk menjawab doa kita bagi perkara berikut:

- **Sebuah Gereja yang Kudus dan Benar** – Berdoa agar Gereja di Malaysia akan menonjol sebagai sebuah komuniti kenabian, mengimpak masyarakat, dan hidup dalam kehidupan Kristian yang tulen serta bersemangat yang akan menjadi terang dan garam dalam negara, di mana ia membenarkan Gereja bertindak dan bersuara dengan kredibiliti dan autoriti bermoral, agar mereka diambil serius oleh pemimpin-pemimpin negara.
- **Sebuah Gereja Yang Mencerminkan Identiti Malaysia** – Berdoa agar umat Kristian akan mengambil setiap langkah untuk memelihara kesatuan dalam Roh, menegakkan pendamaian dan pemulihan, menegahkan halangan budaya dan menjadi contoh dalam membawa bersama semua suku kaum, bahasa serta budaya, menyatukan mereka semua di bawah naungan Yesus Kristus, memodelkan pemulihan etnik dalam negara kita secara berkuasa.
- **Mengejar Pemuridan yang Benar** – Berdoa agar umat Kristian akan faham maksud sebenar Pemuridan benar, dan sanggup memikul Kayu Salib mereka setiap hari dan menderita bagi Yesus Kristus. Berdoa agar banyak umat Kristian professional dan banyak lagi mahasiswa dan mahasiswi universiti yang belajar di luar negara akan kembali dengan visi yang jelas untuk membina gereja dan juga negara.
- **Gereja Bumiputera yang Diperkasakan dan Berkembang** – Berdoa untuk lebih penambahan dan pertumbuhan gereja kuat di Sabah, Sarawak dan di kalangan komuniti Orang Asli di negara kita, agar pemimpin yang berani dan takut kepada Tuhan akan bangkit di kalangan mereka.
- **Pemulihan Ekonomi** – Berdoa agar Tuhan akan terus memberkati negara kita dalam memberikan pemimpin-pemimpin kita hikmat kebijaksanaan pada zaman kemelesatan ekonomi global dan kejatuhan harga komoditi sekarang ini. Berdoa untuk keadilan dan kesaksamaan dalam perkongsian harta kekayaan dalam negara ini di antara semua suku kaum dan demi pelayanan yang adil terhadap semua pekerja asing serta pelarian. Berdoa untuk penggubalan dasar polisi yang lebih bernes dan untuk perbelanjaan yang lebih bertanggungjawab. Berdoa menentang rasuah, Islamisasi dan penyalahgunaan kuasa.

- **Kebebasan dalam Institusi Kerajaan** – Berdoa untuk perlindungan kebebasan institusi seperti Bank Pusat (BNM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Audit Negara (JAN) dan badan kehakiman dalam menghadapi muslihat politik kotor yang bertujuan melemahkan keluhuran Perlembagaan Persekutuan, kebebasan hak asasi manusia, prinsip-prinsip demokrasi dan kedaulatan undang-undang di negara kita. Berdoa agar penjawat awam yang suci dan benar yang bekerja dengan berani tanpa ketakutan atau pilih kasih. Berdoa untuk pemimpin-pemimpin yang benar dan bersih yang akan menegakkan proses dan institusi demokrasi dan memulihkan semula nilai-nilai yang tidak diselewengkan, terutama sekali dalam Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Badan Kehakiman serta sektor Perkhidmatan Awam.
- **Pemgembalian kepada Negara Kebenaran** – Berdoa untuk transformasi yang berkuasa dalam mengembalikan keadilan dan kebenaran di Malaysia. Berdoa untuk pemulihan daripada tahun yang dibelenggu oleh skandal-skandal. Berdoa agar semua kezaliman dan kejahatan di tempat-tempat tinggi didedahkan, agar keadilan akan ditegakkan.

PERKARA DOA BAGI BULANINI

1. Hukum Hudud

- a. Pada persidangan Parlimen yang lalu, Bil Ahli Persendirian MP PAS Marang, YB Dato' Seri hadi Awang telah dibenarkan untuk dibentangkan untuk perbahasan. Rang undang-Undang Ahli Persendirian tersebut yang bertujuan menghapuskan perlindungan "3-6-5" daripada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, atau lebih dikenali sebagai Akta 355. Seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, En Mohd Amar, Rang Undang-Undang yang baru dibentangkan tersebut bertujuan mengangkat dan menyelaraskan kuasa keseluruhan sistem keadilan Mahkamah Syariah di Malaysia, dengan rancangan untuk mengawal Mahkamah Syariah, bukan sahaja di Kelantan tetapi di seluruh negara.
- b. Berdoa menetang rancangan sulit untuk melaksanakan undang-undang Syariah melalui pelbagai pentadbiran negeri dengan tujuan untuk mengislamisasikan Perlembagaan Persekutuan dan menyelaraskan semua undang-undang di bawah hudud.
- c. Berdoa untuk orang yang soleh dan benar di Parlimen dan kerajaan untuk menyuarakan keadilan dan menegakkan hak asasi manusia. Berdoa terlebih dahulu untuk Persidangan Parlimen yang akan datang pada bulan Oktober ini, di mana Rang Undang-Undang Ahli Persendirian PAS berkemungkinan akan dibentangkan dan dibahaskan, untuk campur tangan Allah.
- d. Berdoa untuk umat Islam dan bukan islam, agar semua akan sedar akan impak yang berkemungkinan diakibatkan daripada Rang Undang-Undang tersebut agar mereka tidak akan dikelirukan oleh orang yang ingin mempolitikkan

agama demi kepentigan mereka. Berdoa agar Tuhan akan bertindak balas dengan berleluasa terhadap perlaksanaan Hudud, agar Allah akan menggunakan golongan Kerabat Diraja untuk bersuara sekali. Berdoa agar Malaysia akan kekal sebagai sebuah negara di mana Kebebasan Beragama di ditunggakkan.

2. 1MDB

- a. Berikutan perkembangan 1MDB terkini, berdoa untuk keadilan di negara ini dan agar kebenaran terus didedahkan mengenai isu-isu penyalahgunaan wang dalam pelbagai sektor-sektor kerajaan, dan untuk mendapatkan kembali kewangan yang hilang. Berdoa agar Tuhan akan bekerja melalui agensi-agensi nasional dan antarabangsa, membebankan dengan tekanan yang wajar dan mendedahkan semua kebenaran terhadap isu tersebut, agar keadilan akan ditegakkan di negara kita.
- b. Berdoa untuk pemimpin yang soleh dan benar yang penuh intergriti untuk dibangkitkan dan agar adanya akauntabiliti dalam pemimpin yang dipilih dalam menyokong perundangan yang mencerminkan kebenaran, keadilan dan belas kasihan. Berdoa untuk tindakan dan resolusi yang cepat dan adil dalam isu ini.

3. Tuhan Allah akan Bertakhta dengan Berdaulat dalam Masa Malaysia menghadapi Pergoncangan yang Kuat

- a. Berdoa agar dalam masa negara ini menghadapai pergongcangan yang kuat, Tuhan Allah akan berkuasa mengatasi setiap situasi dalam negara ini. Selaras dengan 2 Korintus 10:4, yang mengatakan 'Senjata-senjata kami bukanlah benda-benda dunia tetapi kekuatan ilahi untuk meruntuhkan benteng-benteng,' marilah kita berdoa agar segala kuasa kejahatan dan kegelapan dan perpecahan dalam negara ini diikat dalam nama Tuhan Yesus Kristus.
- b. Berikutan wahyu terkini yang menyentuh isu 1MDB bersertakan isu-isu lain yang kita sedang menghadapi sekarang, berdoa agar Tuhan akan memerintah dalam semua ketidakpastian dan unsur politik di sebalik tabir. Mari kita bertanyakan Tuhan, di sebalik semua yang berlaku ini, agar Allah akan memakbulkan rancangan berdaulat-Nya dengan segera supaya kebenaran dan kedamaian akan ditinggikan di negara kita.

4. Perlindungan Terhadap Ancaman Keganasan dan Pemberontakan

- a. Berdoa agar pihak autoriti akan terus berwaspada dan berjaga-jaga dalam melindungi negara ini menentang ancaman penganas di bandaraya utama seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang dan di negeri Sabah, di mana ISIS telah mengancam untuk menubuhkan sebuah Khalifah di Asia Tenggara ini. Berdoa untuk berkewaspadaan yang lebih tinggi terhadap semua sempadan ASEAN. Berdoa agar semua rancangan untuk menjatuhkan dan menngacau-bilaukan Asia Tenggara akan dihancurkan sama sekali.

- b. Berikutan laporan-laporan penembakan dan jenayah, berdoa untuk perlindungan dan keselamatan dalam negara ini, terhadap jenayah dan pergaduhan puak-puak gangster. Berdoa untuk perlindungan ke atas sempadan-sempadan di Malaysia. Berdoa untuk ko-ordinasi yang ditingkatkan di antara pihak polis, tentera, pengawal pantai dan tentera laut dalam petahanan mereka ke atas perairan dan sempada Sabah, dan terhadap segala jenis kompromi di antara pihak-pihak keselamatan ini.

Untuk Sekretaria Kesatuan Doa (PU):

Chrisanne Chin
Rev Andy Chi

Hubungi kami: prayerunited.my@gmail.com